




KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

EBULETIN SUKUAN 1

POLITEKNIK BAGAN DATUK

PKP 2.0
dilaksanakan
pada awal
tahun 2021



Selamat Bersara
Tn. Hj. Nidzar
Jan 2021




Cabaran
pelajar
musim
PANDEMIK



Bekerja Dari
Rumah (BDR)
cabaran besar
sesetengah
individu





"E-BULETIN DIWUJUDKAN UNTUK MEMBERI PENDEDAHAN KEPADA ORANG RAMAI AKTIVITI YANG BERLAKU DI POLITEKNIK BAGAN DATUK"

© PUSAT PENGURUSAN STRATEGIK | POLITEKNIK BAGAN DATUK
Edisi 2021

Hak Cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam bentuk dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada Pusat Pengurusan Strategik, Politeknik Bagan Datuk.

E-Buletin ini diwujudkan bagi memberi pendedahan kepada orang ramai aktiviti yang dilaksanakan di Politeknik Bagan Datuk disamping merekodkan data secara rasmi mengikut sukuan tahunan 2021.

Diterbitkan oleh :

**PUSAT PENGURUSAN STRATEGIK
POLITEKNIK BAGAN DATUK.**




Politeknik Bagan Datuk
No. 1, PT8121 Lorong Lagenda 1
Medan Niaga Lagenda,
36400 Hutan Melintang,
Perak.

No. Tel : 05 - 6413461
No.Faks : 05 - 6413570
<http://www.pbd.mypolycc.com>

AKTIVITI JANUARI

Tarikh	Aktiviti
6 Jan	Sanitasi Bangunan Politeknik Bagan Datuk oleh Pihak Bomba Bagan Datuk
12 Jan	Mesyuarat Pengurusan Bil 1/2021
14 Jan	Mesyuarat Ahli Majlis Pengurusan Tertinggi (AMT)
18 Jan	Penyemakan dan penyelarasan Penyelaras Kursus (PK) bagi sesi Disember 2020
19 Jan	Mesyuarat Perkhidmatan Am bagi Keselamatan dan Kebersihan
20 Jan	Penyemakan dan penyelarasan Penyelaras Kursus (PK) bagi sesi Disember 2020
21 Jan	Perbincangan dan pembentangan aktiviti UJK kepada Timbalan Pengarah Dan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik
25 Jan	Mesyuarat Ahli Majlis Pengurusan Tertinggi (AMT)
25 Jan	Bengkel Kreatif Canva bagi Staf PBD
26 Jan	
29 Jan	Mesyuarat Semakan Semula Penawaran Program Pengajian Di Politeknik Bagan Datuk



01

PROGRAM DIPLOMA SENI BINA KAPAL



- Diploma in Naval Architecture at Polytechnic's Ministry of Education Malaysia is designed to cover the current wide discipline of naval architecture knowledge and practices with added specialization subjects in the field of naval architecture.
- It also emphasizes on naval architecture disciplinary which include marine engineering system, hydrostatic and stability calculations, ship resistance and propulsion system, ship design and maritime legislation in accordance with International Maritime Organization (IMO) requirements.
- This programme also includes mechanical and electrical engineering knowledge and entrepreneurship.

"CREATING SUSTAINABLE TVET LEADER FOR TOMORROW"

Program Diploma Seni Bina Kapal ini telah pun mendapat akreditasi penuh MQA/FA9485 pada Januari 2020. program ini mempunyai seramai 21 orang pensyarah di dalam Jabatan Kejuruteraan Perkapalan, Jabatan Pengajian Am dan Jabatan Matematik dan Sains Komputer. Program Diploma Seni Bina Kapal ini adalah satu-satunya program yang ditawarkan di Politeknik Malaysia.




GAMBARAN KAMPUS SEBENAR PBD

01




ILUSTRASI KAMPUS SEBENAR PBD DI BAGAN DATUK



**KAMPUS SEMENTARA POLITEKNIK BAGAN DATUK
DI HUTAN MELINTANG**

STATISTIK STAF PBD

01



STATISTIK STAF PBD SEHINGGA MAC 2021

Bermula Januari 2021, Politeknik Bagan Datuk beroperasi seramai 31 orang staf yang terdiri dari kalangan Pengurusan Profesional, Akademik dan Sokongan.

- Pengurusan Profesional : 05 staf
- Akademik : 21 staf
- Sokongan : 07 staf

Statistik yang sedikit untuk disebabkan nisbah program pengajian yang di tawarkan di PBD dan juga PBD masih menggunakan kampus sementara sebelum menunggu kampus baru PBD siap sepenuhnya menjelang tahun 2022-2023. Semoga PBD maju cemerlang di persada dunia dengan membawakan identiti MARIN mewakili POLITEKNIK MALAYSIA.

PERSARAAN TN. HJ
NIDZAR BIN HJ. CHE ANI,
PENGARAH POLITEKNIK
BAGAN DATUK
03 JANUARI 2021

01



**Selamat Bersara Tn. Hj. Nidzar bin Hj. Che Ani, Pengarah PBD
(02.01.2018 - 03.01.2021) dan Terima Kasih daripada kami warga
Politeknik Bagan Datuk.**

*Kalau ada sumur di ladang,
Boleh kami merumpang mandi,
Kalau ada umur yang panjang,
Di harap kita kan ketemu lagi.*

Jasa dan budi baik Tn. Hj. Nidzar akan dikenang dan kami mendoakan moga Tn. Haji sentiasa sihat dan bahagia di samping keluarga tercinta. Selamat menjalani kehidupan selepas bersara dengan indah.

SANITASI BANGUNAN POLITEKNIK BAGAN DATUK OLEH PIHAK BOMBA BAGAN DATUK

01

06 JANUARI 2021



Pada 6 Januari 2021, pihak Bomba Hutan Melintang telah melakukan sanitasi seluruh bangunan Politeknik Bagan Datuk sebagai persediaan untuk menerima pelajar dan staf Politeknik Bagan Datuk bagi Tahun 2021.

Sebelum proses sanitasi dilaksanakan, beberapa staf dan pekerja kebersihan diberi taklimat tentang kaedah untuk melakukan sanitasi mengikut saranan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Proses sanitasi seluruh aras bangunan Politeknik Bagan Datuk yang mengambil masa hampir 2 jam telah diselesaikan dengan bantuan daripada pihak bomba.

Sebelum proses sanitasi dilaksanakan, beberapa staf dan pekerja kebersihan diberi taklimat tentang kaedah untuk melakukan sanitasi mengikut saranan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Bagan Datuk.



PERTUKARAN STAF PBD

01



En. Nor Isha Bin Nordin telah berkhidmat di Politeknik Bagan Datuk pada 2016 Januari 2021. Beliau telah bertukar ke POLISAS, Pahang pada Januari 2021.

Terima kasih diucapkan atas jasa beliau sebagai seorang Ketua Program Diploma Seni Bina Kapal dan sepanjang perkhidmatan beliau di Politeknik Bagan Datuk ini.

Kami warga PBD mendoakan agar beliau sihat, berjaya dan bahagia ditempat baru disamping keluarga tercinta. Tahniah En Nor Isha Nordin.



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

POLITEKNIK
MALAYSIA
Bagan Datuk*Zahriah*

YBRS. TS. ZAINAB BINTI AHMAD

Di atas perlantikan sebagai

KETUA PENGARAHJABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
& KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)DARIPADA PENGARAH DAN WARGA KERJA
POLITEKNIK BAGAN DATUKCreating Sustainable TVET
Leaders for Tomorrow

politeknikbagandatur



politeknikbagandaturofficial

SETINGGI TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA
YBRS. Ts. ZAINAB BINTI AHMAD
ATAS PERLANTIKAN BELIAU SEBAGAI

KETUA PENGARAH
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK & KOLEJ
KOMUNITI (JPPKK)

MESYUARAT PENGURUSAN PBD BIL 1/2021

12 JANUARI 2021


01



Mesyuarat Pengurusan PBD Bil 1 /
2021 di Bilik Mesyuarat PBD dan
penyerahan KPI PBD 2021 kepada
penyelaras KPI PBD.

Penilaian Alternatif PAlt Sesi Jun 2020

01




The image shows the cover of a spiral-bound notebook. At the top left is the logo of the Malaysian Ministry of Education (KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI). At the top right is the logo for POLITEKNIK MALAYSIA BAGAN DATUK. The main text on the cover reads: "SEMOGA BERJAYA" in large bold letters, followed by "dalam Penilaian Alternatif (PAlt) SESIJUN 2020 kepada semua pelajar PBD". Below this, a light blue box contains the dates "24 JAN – 7 FEB 2021". Further down, it lists the organizers: "Daripada: Pengarah Timbalan Pengarah Warga Politeknik Bagan Datuk" and includes three hashtags: "#CreatingTvetLeaderForTomorrow", "#kitajagakita", and "#ukkpbd". At the bottom of the notebook cover, there are three small icons: a Facebook icon with the text "politeknikbagandaturkofficial", a social media icon with "politeknikbagandaturk", and a globe icon with the URL "https://pbd.mypolycc.edu.my".

Semoga berjaya kepada semua pelajar PBD yang akan menduduki Penilaian Alternatif PAlt Sesi Jun 2020.

01

KURSUS KREATIF CANVA STAF PBD.

25 - 26 JANUARI 2021



Kursus ini diadakan kerana ingin berkongsi kemahiran, idea dan menyelaraskan rekabentuk yang akan digunakan oleh warga PBD terutamanya Ketua Jabatan dan Ketua Unit di PBD. **TIGA** kandungan penting yang akan difokuskan dalam berkongsi ilmu melalui kursus kreatif canva ini adalah :

Mereka bentuk template e-Buletin PBD melalui **EMPAT** sukuan

Mereka bentuk info pelaporan untuk disiarkan di dalam sosial media untuk hebahan Unit Komunikasi Korporat yang boleh menjimatkan masa.

Mereka bentuk poster atau yang berkaitan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Politeknik Bagan Datuk.

"Everyone can design without design experience".

CANVA

Kursus ini adalah anjuran Unit Jaminan Kualiti, Unit Latihan Pendidikan Lanjutan dan Unit Teknologi Maklumat. Penceramah Kursus ini adalah Puan Nurhaslinda Binti Yaakub. Antara objektif di dalam kursus ini adalah beliau berkongsi ilmu bidang kreatif menggunakan aplikasi canva kepada staf yang ingin mempelajari bidang kreatif dalam tugas harian mereka. Menyelaraskan template e-Buletin untuk EMPAT SUKUAN PBD dan memberi pendedahan cara untuk penjimatan masa dengan mudah menggunakan telefon pintar dalam membuat rekabentuk tugas harian.

**KEMPEN DERMA
BUKU ANJURAN
UNIT PERPUSTAKAAN**

01

**KEMPEN
DERMA BUKU!**

BERMULA :
**JANUARI -
DISEMBER
2021**

ANJURAN:
**UNIT
PERPUSTAKAAN
POLITEKNIK
BAGAN DATUK**

TERMA & SYARAT :

- BUKU YANG HENDAK DIDERMAKAN HENDAKLAH BERADA DALAM KEADAAN SEMPURNA DAN BERSIH (TIDAK ROSAK DAN KOYAK)
- SIJIL PENGHARGAAN AKAN DIBERIKAN KEPADA PENDERMA

**BRING YOUR
BOOKS
TO LIBRARY**


TOGETHER LET'S DONATE BOOKS

Unit Perpustakaan mengalu-alukan Warga PBD untuk menderma buku bagi menambah koleksi buku di Perpustakaan Politeknik Bagan Datuk. Buku yang didermakan hendaklah berada dalam keadaan sempurna dan bersih.


25 JANUARI 2021

AKTIVITI FEBRUARI

Tarikh	Aktiviti
3 Feb	Mesyuarat KPI PBD Bil. 1/ 2021
3 Feb	Semakan dan kemaskini senarai Penyelaras Kursus Sesi Disember 2020 dan Pengubalan FIEST
4 Feb	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penawaran Program PENGAJIAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (PPPKK) BIL 1/2021 JPPKK
9 Feb	Taklimat Perolehan Politeknik Bagan Datuk Bil 1/ 2021
11 Feb	Pembinaan Politeknik Bagan Datuk Perak (Reka dan Bina) – Pembentangan Khas Reka Bentuk Built-in Furniture.
15 Feb	Webinar Route To Professional Technologist (Ts.)
15 Feb	Temuduga untuk pengambilan Personel MyStep
16 Feb	Pembinaan Politeknik Bagan Datuk Perak (Reka Dan Bina) – Pembentangan Khas Reka Bentuk Built-in Furniture & Signage
17 Feb	Lawatan Pendarasan (Benchmarking) UniKL MIMET Bagi Program Diploma di PBD melalui platform Microsoft Teams.
19 Feb	Mesyuarat Pengurusan PBD Bil 2/2021
24 Feb	Mesyuarat Keputusan Peperiksaan Akhir Sesi Jun 2020
27 Feb	Keputusan Rasmi Peperiksaan Sesi Jun 2020



Mesyuarat KPI PBD 02 BIL 1/2021



MESYUARAT KPI PBD BIL 1/2021

03 MAC 2021

09.00 pagi - 12.15 tghari
Platform webex

Mesyuarat KPI PBD BIL 1/2021 telah berlangsung pada 03.02.2021 jam 09.00 pagi


Urusetia mesyuarat dari Unit Jaminan Kualiti dan terdapat 14 pemilik proses KPI yang hadir mernjadi Ahli mesyuarat pada pagi ini.

Tahniah di atas Pencapaian KPI PBD TAHUN 2020 dan SELAMAT MAJU JAYA buat pemilik KPI tahun 2021 untuk mencapai 14 KPI PBD tahun ini. Semoga dengan kerjasama semua pihak KPI PBD boleh di capai 100% dengan cemerlang. Terima kasih juga diucapkan pada En Mohamad Ali Romizan atas plaksanaan tugas yang baik dan cemerlang menjadi penyelaras KPI PBD selama hampir 3 tahun disini dan tugas beliau akan diserahkan kepada lantikan penyelaras KPI yang baru.

Tahniah diucapkan pada Penyelaras KPI PBD yang baru iaitu En. Mohd Hafiz Bin Muda. Semoga jalinan kerjasama antara semua pihak beroleh kejayaan yang cemerlang di PBD.



**Selamat Menyambut Tahun Baru Cina.
Ikhlas daripada Pengarah, Timbalan Pengarah dan
Warga Kerja Politeknik Bagan Datuk.**



Webinar ROUTE TO PROFESSIONAL TECHNOLOGIES (Ts) diadakan pada 19 FEBRUARI 2021 anjuran UNIT Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) PBD.

Webinar ini bertujuan memberi pendedahan kepada pensyarah akademik PBD mengenai kelayakan dan kaedah untuk memohon pengiktirafan Teknologis Profesional (Ts.) daripada Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).

Oleh itu penganjuran webinar ini adalah untuk memberikan pendedahan dan maklumat yang diperlukan oleh pensyarah akademik Politeknik Bagan Datuk (PBD) mengenai kelayakan dan kaedah yang diperlukan untuk memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak MBOT dan seterusnya melayakkan mereka untuk memohon pengiktirafan sebagai Teknologis Profesional (Ts). Selain itu dengan pengiktirafan yang diperolehi oleh pensyarah akademik PBD dapat menaikan imej PBD sebagai salah sebuah IPTA yang menawarkan pengajian didalam bidang marin dan secara tidak langsung dapat menarik minat para pelajar untuk menyambung pengajian di PBD.

Ia juga dapat membantu PBD untuk bersaing dengan IPTA sedia ada dan seterusnya memenuhi keperluan era industri 4.0.

Tahniah ULPL mengendalikan Webinar ini.

19 Feb 2021

02



Ucapan Setinggi - Tinggi Tahniah dan Selamat Datang kepada Pelajar Baharu Sesi Disember 2020 Diploma Senibina Kapal Politeknik Bagan Datuk yang akan mula mendaftar pada 01 Mac 2021.

Sentiasa jaga SOP sepertimana yang telah ditetapkan oleh MKN dan KKM dalam usaha kita membendung penularan wabak penyakit Covid19

28 Feb 2021

02


AKTIVITI M A C

Tarikh	Aktiviti
01 Mac	HARI PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI DISEMBER 2020
01 Mac	Kursus eLearning PBD Siri 1 - Bengkel Penyediaan Platform Cidos 3.5 Sesi Disember 2020
02 - 03 Mac	MINGGU SUAI KENAL PELAJAR BAHARU SESI DISEMBER 2020
02 Mac	Kursus eLearning PBD Siri 1 - Bengkel Penyediaan Platform Cidos 3.5 Sesi Disember 2020
02 – 05 Mac	Bengkel Pelan Risiko dan Peluang serta senarai semak audit dalaman bagi sistem pengurusan ISO EOMS 21001 : 2018
03 - 04 Mac	KURSUS KONFIGURASI DAN PENYAMBUNGAN RANGKAIAN MENGGUNAKAN FIREWALL pfSENSE
04 Mac	Aktiviti suai kenal : Taklimat pelajar baru
08 Mac	Program Pendidikan Pengguna : Kitar Semula Sisa Elektronik (E-waste) (Pameran)
09 Mac	Mesyuarat Pengurusan Politeknik Bagan Datuk
10 Mac	Mesyuarat Jabatan Kejuruteraan Perkapalan
11- 12 Mac	Kursus Woodball pelajar dan staf PBD atas talian.
13 Mac	Arahan Penggubalan Item Peperiksaan Akhir Sesi Disember 2020



AKTIVITI M A C

Tarikh	Aktiviti
15 Mac	Lawatan Penanda Aras Pembangunan Laman Web di PSA
16 – 17 Mac	Bengkel Pemantapan Outcome Based Education (OBE) dan Interpretasi Kurikulum
17 Mac	Pilihanraya Kampus Politeknik Bagan Datuk Sesi 2021/2022
25 Mac	Kursus Dalaman Bijak Kalkulator – Pelajar Sem 1
26 Mac	Majlis Perasmian dan Penutup Minggu Matematik
30 Mac	Mesyuarat Pengurusan Bil 3/2021
30 Mac	Lawatan Pelajar Ke Industri Pembinaan & Baik Pulih Kapal Di Manjung, Bagan Datuk & Teluk Intan




03

Hari pertama pendaftaran pelajar Politeknik Bagan Datuk bagi Program Diploma Senibina Kapal Sesi Disember 2020 01 Mac 2021



**Selamat datang diucapkan kepada pensyarah baharu En Kalaiyarasu Gopalan dan staf MyStep Personel En Hanif bin Puzie. Turut serta Timbalan Pengarah Ts. Dr. Zunuwanas (kiri).
01 Mac 2021**





MINGGU SUAI KENAL SESI DISEMBER 2020 SECARA ATAS TALIAN

03

MSK Hari ke 2 - Taklimat
dijalankan secara atas talian
serta pengagihan makanan
dilaksanakan secara
penghantaran terus ke tempat
penginapan pelajar.

02 Mac 2021




UNIT PERPUSTAKAAN

03

Unit Perpustakaan mengadakan satu taklimat kepada pelajar baru yang mendaftar pada sesi Disember 2020. Daripada taklimat ini pelajar baru dapat mengenali dan mengetahui segala kemudahan dan peraturan di perpustakaan yang lebih lanjut.

02 Mac 2021



Majlis Perasmian
Penutup MSK
Sesi Disember
2020 yang
dirasmikan oleh
Timbalan
Pengarah PBD
Ts. Dr. Hj.
Zunuwanas.

03 Mac 2021



03



BENGKEL PELAN
RISIKO DAN PELUANG
SERTA SENARAI
SEMAK AUDIT
DALAMAN ISO EOMS
21001 : 2018
DILAKSANKAN
SECARA ATAS TALIAN


03

03 - 05 Mac 2021




Lawatan
Penandaarasan
Jabatan
Kejuruteraan
Perkapalan - JKP
PBD ke JKP PUO.
Terima kasih JKP
PUO kerana sudi
menerima lawatan
daripada JKP PBD.
04 Mac 2021

03



LAWATAN PEMANTAUAN KESIHATAN PELAJAR POLITEKNIK BAGAN DATUK SESI DISEMBER 2020 10 Mac 2021

03



Team Jabatan Hal Ehwal Pelajar telah melaksanakan lawatan pemantauan kesihatan pelajar Politeknik Bagan Datuk yang berada di kediaman sewa masing-masing. Tujuan lawatan pemantauan kesihatan ini diadakan adalah untuk memastikan kesihatan pelajar berada dalam keadaan yang baik. Sesi temubual bersama pelajar juga dibuat untuk mendapatkan status kesihatan semasa pelajar. Pelajar diminta untuk melaporkan terus kepada Penasihat Akademik sekiranya terdapat gejala seperti selesema, batuk, demam dan sebagainya. Selain itu, staf kebersihan Politeknik Bagan Datuk juga membantu team JHEP untuk membuat sanitasi di setiap kediaman sewa masing - masing. Pelajar menjalani sesi PdP secara atas talian sebelum kelas bersemuka dibenarkan bermula 22 Mac 2021. Diharap semua warga PBD sentiasa patuh dengan SOP sepertimana yang telah ditetapkan oleh MKN dan KKM dalam usaha kita semua membendung penularan wabak penyakit COVID19. **Kita Pasti Menang !**

PROGRAM CSR : PEMBINAAN PONDOK HJ SHAHRUDDIN AL MANDILI 11- 12 Mac 2021

03

Team CSR Politeknik Bagan Datuk dengan kerjasama Politeknik Ungku Omar telah melaksanakan program sukarelawan di Pondok Haji Shahrudin Al-Mandili Lenggong Perak pada 11 Mac 2021 - 12 Mac 2021


Program CSR ini dibarisi oleh staf PBD dan PUO yang berkongsi ilmu kepakaran dalam pelbagai bidang termasuklah kejuruteraan senibina , kejuruteraan perkapalan , kimpalan dan sebagainya dalam usaha membantu membina sebuah pondok untuk didiami oleh pelajar-pelajar kelak.

Semoga usaha kecil yang diberikan oleh PBD ini akan memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.



PERTUKARAN STAF PBD

03




Madam Mariann Edwina Mariadass telah berkhidmat di Politeknik Bagan Datuk pada 25 April 2019. Beliau telah bertukar ke skim perkhidmatan ke Universiti Pertahanan Awam . Tarikh akhir beliau di dalam skim PPPT ini adlaah pada 03.03.2021

Terima kasih di ucapkan atas jasa beliau sebagai seorang Pensyarah bahasa inggeris merangkap Ketua Jabatan Pengajian Am dan sepanjang perkhidmatan beliau di Politeknik Bagan Datuk ini.

Kami warga PBD mendoakan agar beliau terus berjaya dan bahagia ditempat baru disamping keluarga tercinta. Tahniah madam Mariann Edwina.

UNIT 03

PERPUSTAKAAN



Sepanjang bulan MAC 2021, Unit Perpustakaan mengadakan pameran yang bertajuk "Revolusi Industri 4.0".

Pameran ini memberi pendedahan kepada seluruh warga PBD mengenai perkembangan Industri dari Revolusi 1.0 sehingga Revolusi Industri 4.0.

Unit ini mengambil inisiatif untuk menyebarkan maklumat melalui media sosial iaitu Whatsapp dan Telegram Rasmi PBD.

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN

PENASIHAT

Ts. DR. HJ. ZUNUWANAS BIN MOHAMAD
Timbalan Pengarah
Politeknik Bagan Datuk

HJ. ROHIMI BIN YUSOF
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik
Politeknik Bagan Datuk

KETUA EDITOR

NURHASLINDA BINTI YAAKUB
Ketua Unit Jaminan Kualiti

EDITOR

MOHAMMAD HANIF BIN PUZIE, AZWANSYAH BIN ZULKIFLI, JIWITA A/P SATHIASEELAN,
MUHAMMAD ARIFUDDIN BIN MOHD ARIFIN, MOHAMMAD ZAINAL AKMAL BIN ISMAIL

HEBAHAN

MUHAMMAD ARIFUDDIN BIN MOHD ARIFIN
Unit Komunikasi Korporat

e-ISBN

JIWITA A/P SATHIASEELAN
Ketua Unit Perpustakaan

PEREKA GRAFIK

NURHASLINDA BINTI YAAKUB



POLITEKNIK BAGAN DATUK

Diterbitkan oleh :

**PUSAT PENGURUSAN STRATEGIK
POLITEKNIK BAGAN DATUK.**

Politeknik Bagan Datuk
No. 1, PT8121 Lorong Lagenda 1
Medan Niaga Lagenda,
36400 Hutan Melintang,
Perak.

No. Tel : 05 - 6413461
No.Faks : 05 - 6413570
<http://www.pbd.mypolycc.com>